



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	3/9/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	KeTSA			

Pewartaan keluar Hutan Simpan Kuala Langat Utara

BH, 3 Sept
2021_7

Bantahan rasmi sudah dikemukakan sejak tahun lalu

KeTSA pastikan 50 peratus luas tanah negara meliputi hutan

Oleh Saadiah Ismail dan Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) membantah tindakan pewartaan keluar Hutan Simpan Kuala Langat Utara, khususnya di peringkat awal cadangan oleh kerajaan Selangor.

Menterinya, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata malah, bantahan rasmi mengenainya sudah dikemukakan tahun lalu.

"Sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam penguasaan sumber asli negara, kementerian memandang berat pewartaan keluar Hutan Simpan Kuala Langat Utara yang memabitkan kehilangan sebahagian daripada keluasan asal iaitu seluas 957.63 hektar.

"Sehingga tahun 2019, data Jabatan Perhutanan Semenanjung

Malaysia (JPSM) menunjukkan jumlah kawasan berhutan Negeri Selangor adalah pada 31.74 peratus," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Takiyuddin berkata, Malaysia komited dalam memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi kawasan berhutan selaras komitmen yang dinyatakan di peringkat antarabangsa.

Katanya, pemeliharaan kawasan berhutan adalah penting disebabkan peranannya dalam memberikan perkhidmatan ekosistem kepada kesejahteraan.

Beliau menegaskan kawasan hutan yang diwartakan keluar perlu dibangunkan dengan bertanggungjawab.

Katanya, pembangunan itu juga perlu mengambil kira amalan pembangunan lestari termasuk memastikan kecukupan zon penampungan dan semua syarat Laporan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) yang ditetapkan, dipatuhi sepenuhnya.

"Ini bagi memastikan pembangunan yang bakal dilaksanakan tidak mengganggu gugat kawasan hutan dan ekosistem yang terletak bersebelahan, mahupun kehidupan masyarakat setempat khususnya masyarakat Orang Asli," katanya.

Beliau berkata, menteriannya juga maklum dengan penggantian empat kawasan hutan berasingan di Selangor dan mengesyorkan ia terus dilindungi serta dipulihara bagi memastikan kawasan berhutan di negeri itukekalkan.

Empat kawasan hutan berasingan berkenaan ialah Hutan Simpan Sungai Panjang (308.62 hektar), Hutan Simpan Buloh Telor Barat (149.96 hektar), Hutan Simpan Buloh Telor Timur (57.18 hektar) dan Hutan Simpan Broga (63.88 hektar) sebagai Hutan Simpanan Kekal.

Sementara itu, Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Dr Muhammad Faiz Na'aman, berkata kerajaan Selangor perlu sensitif dengan keluhan kesah masyarakat Orang Asli

sebagai pribumi di kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara yang mendiami kawasan itu sejak 120 tahun lalu.

Katanya, pihaknya kesal dengan tindakan kerajaan Selangor yang meluluskan penyahwartaan 54 peratus hutan simpan di situ sehingga menyusutkan jumlah keseluruhan hutan simpan ke paras 31 peratus iaitu hampir tahap maksimum terendah 30 peratus ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Beliau mendakwa pelbagai alasan dikemukakan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari bagi menjustifikasikan keputusan menyahwartakan khazanah alam itu, termasuk menyatakan sudah meluluskan 581.48 hektar kawasan gantian Hutan Simpan Kekal bagi menebus kawasan hutan simpan yang 'dikorbankan'.

"Wakil dan suara Orang Asli juga tidak dibabitkan dalam perkara ini untuk dijadikan sebagai rujukan atau jurucakap. Malah, hal ehwal Orang Asli di Selangor juga bukan diwakili golongan pribumi ini yang mampu menyelami suara hati golongan terabit," katanya.



Takiyuddin Hassan

